

»» **BANK** »» **SOALAN** **UASA**

Bahasa Melayu

Tingkatan

1

KSSM

SISTEM BAHASA

Arahan: Jawab **semua** soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.

BAHAGIAN **A** Objektif Aneka Pilihan

Soalan 1 – 10


Lengkapkan ayat-ayat berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah ini.



- Angin kencang menyebabkan api _____ dengan pantas di rumah yang sedang terbakar itu.
A menular
B merebak
C bertambah
D berkembang
- Apabila diminta oleh gurunya untuk memberikan pendapat _____ bahaya wabak COVID-19, murid itu mengemukakan hujah yang bernas.
A akan
B dalam
C kepada
D tentang
- Penduduk Kampung Sawah Baru _____ apabila mendapat tahu bahawa sekandang kambing peliharaan Pak Kassim hilang kelmarin.
A riuh
B bingit
C hingar
D gempar
- Pembacaan yang luas dapat _____ pemikiran murid-murid untuk menghasilkan karangan yang bermutu.
A memperlebar
B memperhalus
C mempertajam
D memperbesar

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah ini.



- Farahanum _____ peluh di dahinya dengan sapu tangan semasa menunggu bus untuk pulang dari sekolah.
A mengesat
B mengusap
C menggilap
D menggosok
- Badan abang yang berisi semakin _____ sejak gemar berjoging dan mengamalkan pemakanan yang seimbang.
A kecil
B susut
C surut
D kering
- Fatihah sangat gemar _____ lauk ayam masak merah yang dimasak oleh ibu saudaranya.
A akan
B kepada
C tentang
D terhadap
- Tugas sebagai tentera memerlukan kudrat dan _____ yang tinggi terutamanya ketika berada di medan perang.
A daya cipta
B daya saing
C daya tahan
D daya usaha
- Kejohanan olahraga di sekolah itu telah _____ kerana hujan turun dengan lebat.
A digantikan
B dihabiskan
C disudahkan
D ditangguhkan

10. Filem pendek dalam media sosial itu mendapat sambutan yang hangat kerana _____ persoalan tentang kepentingan menjaga hubungan kekeluargaan.
- A** melakarkan
B merakamkan
C memaparkan
D menyampaikan

Soalan 11 – 15

Ayat-ayat di bawah ini **mungkin betul dan mungkin salah**. Jika **terdapat kesalahan**, kesalahan itu ditandakan dengan **A, B atau C** dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan **D**.

Pilih jawapan yang **paling sesuai**.

11. Kemalangan jalan raya yang dialaminya dua tahun yang lalu menyebabkan gendang telinganya rosak. Tiada kesalahan.
- A**
B
C
D
12. Kekurangan bekalan gula pasir di pasaran menimbulkan kekecohan dalam kalangan pengguna, terutama peniaga makanan dan minuman. Tiada kesalahan.
- A**
B
C
D
13. Emak menjerit bila sebuah lori tiba-tiba memotong kereta yang kami naiki dengan laju. Tiada kesalahan.
- A**
B
C
D
14. Firma-firma asing di Malaysia yakin bahawa kekentalan politik negara ini dapat membantu mereka melabur saham dengan lebih banyak. Tiada kesalahan.
- A**
B
C
D
15. Pihak sekolah telah menerima surat pekeling dari Kementerian Pendidikan Malaysia tentang etika berpakaian di sekolah menengah di seluruh negara. Tiada kesalahan.
- A**
B
C
D

Soalan 16 – 20

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betul.

16. I Warna rambut Farahanum kelihatan *perang* apabila berada di bawah sinar matahari.
 II Walaupun *perang* Iraq dengan Amerika Syarikat telah tamat, namun rakyat negara itu masih menderita.
 III Walaupun tarikh pilihan raya masih belum diumumkan, namun *perang* poster sudah bermula.
 IV Gadis yang berkulit *perang* dan berambut ikal itu sebenarnya kakak kandung Fakhrul Razi.
- A** I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
17. I Semua penagih *tegar* itu diasingkan daripada penagih baharu dalam sesi rawatan itu.
 II Pendiannya tetap *tegar* walaupun menerima kecaman daripada pelbagai pihak.
 III Kereta buatan terbaharu itu amat *tegar* apabila berlanggar dengan lori.
 IV Baju yang direndam itu menjadi *tegar* setelah dimasukkan bahan pelembut.
- A** I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
18. I Sungguh *pesat* bunyi enjin pesawat tentera itu.
 II Haikal berlari dengan *pesat* sekali menuju ke garisan penamat.
 III Kawasan itu *pesat* membangun selepas pembukaan sebuah taman tema.
 IV Teknologi digital di seluruh dunia berkembang dengan sangat *pesat*.
- A** I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
19. I Kemalangan itu berlaku disebabkan oleh keadaan jalan yang *licin*.
 II Fariyah terpegun apabila melihat wajah Husna yang gebu dan *licin* itu.
 III Fazreen terhuyung-hayang lalu terjatuh apabila memijak lantai yang *licin* itu.
 IV Naufal bernazar untuk *licin* kepalanya jika dia lulus dalam peperiksaan.
- A** I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

20. I Api di kilang yang terbakar itu *menjulung* sehingga jelas kelihatan dari sekolah saya.
 II Selepas menerima piala kemenangannya, pemenang itu terus *menjulung* pialanya.
 III Rakyat akan *menjulung* tinggi pemimpin yang berjiwa rakyat.
 IV Gadis itu *menjulung* kepalanya di tingkap setelah mendengar bunyi hon kereta.
- A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
 B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja

Soalan 21 – 25

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

21. Kutipan derma untuk mangsa banjir itu kami akan serahkan kepada keluarga mangsa yang terlibat yang ditempatkan di pusat pemindahan mangsa banjir.
 A akan kami serahkan pada
 B kami akan serahkan pada
 C akan kami serahkan kepada
 D kami akan serahkan kepada
22. Beberapa orang murid-murid telah membantu Cikgu Mahizer mengemas stor sukan.
 A Beberapa murid
 B Beberapa orang murid
 C Beberapa murid-murid
 D Beberapa orang murid-murid
23. Bermula pukul 10.00 pagi, Seminar Kecemerlangan Pentaksiran Tingkatan 3 itu akan berlangsung hingga ke petang.
 A langsung hingga ke petang
 B berlangsung hingga petang
 C diadakan sampai ke petang
 D berlangsung hingga ke petang
24. Anak muda-anak muda digalakkan untuk menceburi bidang perniagaan kerana bidang ini mempunyai potensi yang besar.
 A Anak-anak muda digalakkan
 B Anak muda-muda disarankan
 C Anak muda-anak muda galak
 D Anak muda-anak muda digalakkan
25. Pihak media massa perlulah mengelakkan isu yang dapat menggugat perpaduan di antara kaum.
 A boleh menggugat perpaduan antara kaum
 B boleh menggugat perpaduan di antara kaum
 C dapat menggugat perpaduan antara kaum
 D dapat menggugat perpaduan di antara kaum
26. I Gaya hidup Melissa yang ke Barat tidak disukai oleh kawan-kawannya.
 II Penyambut tetamu memperkenalkan kami pada pengurus kilang itu.
 III Suhana kagum apabila melihat keindahan tasik itu.
 IV Ibu membasuh pinggan mangkuk sementara menunggu nasi yang ditanaknya masak.
- A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja
27. I “Siapakah yang memecahkan pasu bunga itu?” soal kakak.
 II “Apakah dia berjaya memiliki sebuah rumah di pinggir kota?” tanya Munirah.
 III “Jangan pijak rumput di situ,” tegur pengawal keselamatan Kondominium Vista.
 IV “Hai, sudah lama kita tidak bertemu!” kata Fariyah kepada Siti Musliha.
- A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan IV sahaja
 D I, III dan IV sahaja
28. I Harga basikal itu paling mahal sekali kerana diimport dari luar negara.
 II Pokok yang rendang lazimnya menjadi tempat burung-burung membuat sarang.
 III Pemain-pemain bola sepak itu kelihatan kurang stamina untuk menghadapi pasukan lawan.
 IV Sebagai pekerja yang bertanggungjawab, Fazira sentiasa ikuti arahan ketuanya.
- A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
 B II dan III sahaja D II, III dan IV sahaja
29. I Acara larian itu bermula daripada pukul lapan pagi.
 II Gadis yang memakai baju kebaya biru itu ialah setiausaha syarikat.
 III Delegasi Malaysia telah membuat kunjungan rasmi ke negara Switzerland baru-baru ini.
 IV Biskut-biskut itu lemau kerana penutup tin itu tidak ditutup dengan rapat.
- A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
 B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja

Soalan 26 – 30

Pilih ayat-ayat yang betul.

26. I Gaya hidup Melissa yang ke Barat tidak disukai oleh kawan-kawannya.
 II Penyambut tetamu memperkenalkan kami pada pengurus kilang itu.
 III Suhana kagum apabila melihat keindahan tasik itu.
 IV Ibu membasuh pinggan mangkuk sementara menunggu nasi yang ditanaknya masak.
- A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja
27. I “Siapakah yang memecahkan pasu bunga itu?” soal kakak.
 II “Apakah dia berjaya memiliki sebuah rumah di pinggir kota?” tanya Munirah.
 III “Jangan pijak rumput di situ,” tegur pengawal keselamatan Kondominium Vista.
 IV “Hai, sudah lama kita tidak bertemu!” kata Fariyah kepada Siti Musliha.
- A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan IV sahaja
 D I, III dan IV sahaja
28. I Harga basikal itu paling mahal sekali kerana diimport dari luar negara.
 II Pokok yang rendang lazimnya menjadi tempat burung-burung membuat sarang.
 III Pemain-pemain bola sepak itu kelihatan kurang stamina untuk menghadapi pasukan lawan.
 IV Sebagai pekerja yang bertanggungjawab, Fazira sentiasa ikuti arahan ketuanya.
- A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
 B II dan III sahaja D II, III dan IV sahaja
29. I Acara larian itu bermula daripada pukul lapan pagi.
 II Gadis yang memakai baju kebaya biru itu ialah setiausaha syarikat.
 III Delegasi Malaysia telah membuat kunjungan rasmi ke negara Switzerland baru-baru ini.
 IV Biskut-biskut itu lemau kerana penutup tin itu tidak ditutup dengan rapat.
- A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
 B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja

30. I Adik begitu asyik sekali menonton televisyen di ruang tamu.
II Pak Mail menebang pokok pisang yang sudah masak buahnya.
III Ain memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan baru-baru ini.
IV Kita mestilah tabah apabila menghadapi dugaan dalam kehidupan.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 31 – 35

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau maksud yang **paling hampir** dengan **ayat yang dicetak tebal**.

31. **Kesungguhan didikan para guru yang tidak mengenal erti jemu menyebabkan prestasi murid di sekolah itu semakin meningkat.**
- A Prestasi murid sekolah itu semakin meningkat disebabkan kegigihan semua guru yang mendidik tanpa jemu.
B Kesungguhan murid menimba ilmu menyebabkan prestasi mereka semakin meningkat.
C Prestasi guru-guru yang semakin baik menyebabkan murid di sekolah itu berjaya.
D Prestasi sekolah semakin meningkat kerana kegigihan para guru.
32. **“Tolong beritahu murid lain supaya mereka membawa buku teks Bahasa Melayu hari esok,” kata Cikgu Rohaida kepada Fahizal.**
- A Fahizal diminta oleh Cikgu Rohaida supaya memberitahu murid-murid lain yang membawa buku teks Bahasa Melayu esok.
B Fahizal diminta oleh Cikgu Rohaida agar membawa buku teks Bahasa Melayu esok untuk murid-murid lain.
C Cikgu Rohaida menyuruh Fahizal memberitahu murid-murid yang lain supaya membawa buku teks Bahasa Melayu pada hari esok.
D Cikgu Rohaida menyuruh murid-muridnya membawa buku teks Bahasa Melayu pada hari esok untuk Firdaus.
33. **Penggunaan kenderaan awam dapat mengurangkan kesesakan jalan raya di pusat bandar.**
- A Pusat bandar sesak dengan penggunaan kenderaan awam di jalan raya.

- B Kenderaan awam di pusat bandar dapat mengurangkan kesesakan jalan raya.
C Jalan raya di pusat bandar menjadi sesak dengan penggunaan kenderaan awam.
D Kesesakan jalan raya di pusat bandar dapat dikurangkan dengan penggunaan kenderaan awam.

34. **Usaha dan perjuangan tokoh yang banyak berjasa kepada negara perlu didedahkan kepada generasi muda.**

- A Generasi muda perlu diberikan pendedahan tentang usaha dan perjuangan tokoh yang banyak berjasa kepada negara.
B Tokoh yang banyak berjasa kepada negara perlu didedahkan kepada generasi muda.
C Negara perlu berusaha untuk mendedahkan tokoh yang banyak berjasa kepada negara kepada generasi muda.
D Usaha dan perjuangan tokoh yang banyak berjasa didedahkan oleh generasi muda kepada negara.

35. **Kekurangan zat besi dan kalsium dalam tubuh akan menjejaskan pembentukan tulang dan gigi.**

- A Zat besi dan kalsium akan menjejaskan pembentukan gigi disebabkan oleh kekurangan kalsium dalam tubuh.
B Pembentukan tubuh akan terjejas kerana kekurangan zat besi dan kalsium dalam tulang dan gigi.
C Pembentukan tulang dan gigi yang terjejas kurang memerlukan zat besi dan kalsium dalam tubuh.
D Pembentukan tulang dan gigi akan terjejas disebabkan oleh kekurangan zat besi dan kalsium dalam tubuh.

Soalan 36 – 40

Pilih **peribahasa** yang **paling sesuai**.

36. Izwan keberatan untuk melanjutkan pelajaran di luar negara kerana tidak mahu meninggalkan keluarganya lantas memberikan alasan. Keadaan ini samalah seperti
- A tidak ada rotan, akar pun berguna.
B di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.
C hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.
D berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul.

37. Ketika menuntut di United Kingdom, Jamaliyah bekerja secara sambilan untuk membiayai pengajiannya.
- Sambil menyelam minum air
 - Sambil berdendang biduk ke hilir
 - Berkayuh sambil bertimba
 - Belayar sambil memapan
38. Pak Hussin tidak pernah keluar dari kampungnya untuk melihat tempat orang. Sikap Pak Hussin diibaratkan seperti
- anjing menyalak bukit.
 - katak di bawah tempurung.
 - layang-layang terputus talinya.
 - orang mengantuk disorongkan bantal.
39. Rakan-rakan Fatimah tercengang apabila dia yang dianggap pendiam itu berjaya menjawab semua soalan yang dikemukakan oleh Cikgu Zulraidah. Situasi di atas sesuai dengan peribahasa
- belakang parang diasah lagikan tajam.
 - kerana nila setitik rosak susu sebelanga.
 - diam-diam ubi berisi, diam-diam besi berkarat.
 - baik membawa resmi padi, jangan membawa resmi lalang.
40. Setelah lama tinggal di beberapa buah negara luar, akhirnya Razmi pulang untuk menetap di kampung halamannya, bak kata pepatah
- berapa tinggi terbang bangau, akhirnya hinggap di belakang kerbau juga.
 - sepandai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh ke tanah juga.
 - hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah.
 - di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.

BAHAGIAN B Objektif Pelbagai Bentuk

KESALAHAN EJAAN

1. Dalam setiap iklan di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis** ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.

(i)

Mari Membaca!
Ibubapa sebagai teladan kepada anak-anak.



Membaca Jambatan Ilmu

(ii)

Kedai Kopi Bangi



*Nikmati hari anda dengan secawan kopi.
Setetes rasa, secebis bahagia.*

(iii)

**Berbakat menulis? Ayuh sertai
Pertandingan Bercerita 2023!**

Dapatkan borang penyertaan dan kemaskini maklumat anda di laman web <http://www.pelangibooks.com>

(i)

(ii)

(iii)

2. Dalam iklan di bawah ini, terdapat **kesalahan-kesalahan ejaan**. Kenal pasti **tiga** kesalahan tersebut dan **tulis** ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.

Pertandingan Menulis Esei dan Mendeklamasikan Sajak

Persatuan Sejarah akan mengadakan pertandingan menulis esei dan mendeklamasikan sajak bertemakan patriotisma bersempena dengan Bulan Kemerdekaan.

Butir-butir pertandingan adalah seperti yang berikut:

Tarikh : 27 Ogos 2023

Masa : 9:00 pagi hingga 12:30 tengahari

Tempat : Dewan Anggerik, Sekolah Menengah Kebangsaan Teluk Cangi

Murid-murid yang berminat boleh mendapatkan borang penyertaan daripada Cikgu Zulraidah.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

3. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis** ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Sungguh dasyat kemalangan yang berlaku tiga hari lepas di lebuah raya itu.

- (ii) Industri otomotif negara semakin berkembang pesat dan mendapat permintaan yang tinggi.

- (iii) Penguatkuasa undang-undang diingatkan agar sentiasa telus dan amanah dalam menjalankan tugas.

KESALAHAN BAHASA

4. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Ketika kami sampai di tasik itu, Hazeman sedang masih memancing.

- (ii) Banyak perbezaan di antara Asif dengan Arif meskipun mereka dilahirkan kembar.

- (iii) Farehah dan Jamaliyah menjerit kegembiraan bila diumumkan sebagai johan pertandingan reka cipta itu.



5. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan **gariskan kesalahan bahasa** tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Para pejuang di sempadan negara sanggup menggadaikan nyawa demi untuk mempertahankan negara.

(ii) Puan Zahirah amat rindukan anaknya yang menetap di Australia sejak dua tahun yang lalu.

(iii) "Patik mahu Datuk Laksamana datang menghadap pada petang ini," titah Sultan Mansor.

6. Dalam petikan di bawah ini, terdapat **tiga kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Setengah murid gemar membaca buku di pusat sumber sekolah pada waktu rehat. Sirajul, Muthu, Tee Wei, dan Fahizal juga sering ke sana. Dia meminjam pelbagai buku dari pusat sumber sekolah untuk bacaan di rumah. Sirajul sangat gembira apabila diumumkan sebagai pembaca paling banyak sekali semasa Majlis Anugerah Nilam yang diadakan di dewan sekolah.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

SINTAKSIS

1. Tentukan subjek dan predikat bagi ayat-ayat di bawah ini.

(i) Cincin berlian yang baru dibeli oleh ibu itu cantik dan berkilauan.

Subjek: _____

Predikat: _____

(ii) Lokasi penjenayah yang licik itu telah berjaya dikesan oleh pihak polis.

Subjek: _____

Predikat: _____

(iii) Tee Wei sungguh gembira apabila dapat berjumpa dengan sahabat lamanya.

Subjek: _____

Predikat: _____

(iv) Kejohanan olahraga tahunan Sekolah Menengah Kebangsaan Pondok Upeh pada tahun ini berlangsung dengan meriah.

Subjek: _____

Predikat: _____

- (v) Sebaik-baik sahaja dilahirkan, Amira diserahkan kepada keluarga angkatnya.

Subjek: _____

Predikat: _____

2. Tukar ayat aktif di bawah ini kepada ayat pasif.

- (i) Adnan menunggang motosikal ke pasar malam.

- (ii) Fadhlina menggoreng ikan keli di dapur.

- (iii) Khairozi menaiki bot ke Pulau Tioman.

- (iv) Kami perlu membersihkan kelas setiap pagi sebelum mula belajar.

- (v) Pak Hussin mencantas dahan pokok bunga kertas di pagar utama sekolah.

3. Cerakinkan ayat-ayat majmuk di bawah ini supaya menjadi dua ayat tunggal tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Izzati tergesa-gesa menyiapkan tugasannya kerana kesuntukan masa.

(a) _____

(b) _____

- (ii) Halim sedang menaip sesuatu menggunakan komputer sambil menghirup kopi.

(a) _____

(b) _____

- (iii) Husni tidak hadir ke pejabat sejak minggu lepas kerana dia terlibat dalam kemalangan jalan raya.

(a) _____

(b) _____

- (iv) Walaupun Nordin menetap di luar negara, hatinya masih merindui Malaysia.

(a) _____

(b) _____

- (v) Bukan saya yang menunggang basikal itu tadi tetapi dia.

(a) _____

(b) _____

PERIBAHASA

1. Lihat bahan di bawah ini. Berdasarkan bahan tersebut, tulis **dua** peribahasa yang sesuai.



(i) _____

(ii) _____


2. Lihat bahan di bawah ini. Berdasarkan bahan tersebut, tulis **dua** peribahasa yang sesuai.



(i) _____

(ii) _____

3. Lihat bahan di bawah ini. Berdasarkan bahan tersebut, tulis **dua** peribahasa yang sesuai.



(i) _____

(ii) _____



PEMAHAMAN

BAHAGIAN A Pemahaman Petikan

PUISI TRADISIONAL

Pantun Dua Kerat Nasihat

Soalan 1 – 5

Baca bahan di bawah ini dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Berapa jauh wujud dengan sifat,
Sejauh lutut dengan pelipat.

Sarang semut dalam gelap,
Orang selimut selalu lelap.

Hitam-hitam pucuk kawa,
Sungguh hitam dipandang lawa.

Emas, perak, tembaga, suasa,
Malas bergerak tidak merasa.

Buah sintang buah senikul,
Satu memegang satu memikul.

(Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

- Apakah nasihat yang ingin disampaikan dalam rangkap kedua pantun?
A Orang yang leka akan ketinggalan dalam hidup
B Orang yang malas berusaha tidak akan memperoleh kejayaan
C Kita hendaklah menjaga hubungan baik antara satu sama lain
D Sikap tolong-menolong penting dalam melakukan sesuatu pekerjaan
- Pengulangan kata *buah* pada baris pertama, rangkap kelima pantun ini menunjukkan unsur
A responsi. **C** anafora.
B repetisi. **D** aliterasi.
- Nilai yang berikut terdapat dalam pantun di atas, kecuali
A rasional. **C** kerjasama.
B keadilan. **D** kesyukuran.
- Apakah tema pantun di atas?
A Amalan hidup berjasa
B Nasihat ke arah kebaikan
C Amalan yang baik dalam kehidupan
D Cabaran dalam mengukuhkan hubungan persaudaraan
- Apakah pengajaran yang terdapat dalam pantun tersebut?
A Kita hendaklah rajin berusaha untuk mencapai kejayaan dalam hidup.
B Kita hendaklah adil dalam melaksanakan sesuatu tugas.
C Kita hendaklah bertimbang rasa dan tidak mementingkan diri.
D Kita hendaklah prihatin dengan menolong orang yang dalam kesusahan.

Syair Pohon Buluh

Soalan 6 – 10

Baca bahan di bawah ini dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Menara tinggi banyak bertingkat,
Di sana tiada bilik bersekat,
Tiada bertangga naik melekat,
Mata-mata menjaga segenap pangkat.

Yang ada sedia panji-panji bendera,
Hingga sampai ke kemuncak menara,
Banyak ada ia bersaudara,
Yang ada pula bersama gara.

Selalu dipandang dilihat adanya,
Tinggi rendah dijerat pangkatnya,
Besar kecil ikat binanya,
Terlalu kuat pula asasnya.

Ikatnya licin di luar di dalam,
Gelapnya di dalam seperti malam,
Air tak tiris seperti kolam,
Ikat tingkatnya tak nampak alam.

(Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

6. Apakah maksud rangkap pertama syair tersebut?
 - A Hubungan masyarakat yang erat dapat menangkis anasir-anasir jahat.
 - B Masyarakat hidup bersatu padu tanpa mengira perbezaan pangkat atau darjat.
 - C Pihak berkuasa menjalankan tugas menjaga keselamatan negara tanpa mengira status seseorang.
 - D Hubungan persaudaraan yang kukuh dapat memberikan kejayaan walaupun banyak rintangannya.
7. Yang berikut ialah nilai yang terdapat dalam syair, **kecuali**
 - A keadilan.
 - B kerjasama.
 - C kesopanan.
 - D tanggungjawab.
8. Antara yang berikut, yang manakah persoalan yang terdapat dalam syair tersebut?
 - A Perpaduan menjadi teras kejayaan
 - B Sikap berbudi bahasa ketika bergaul
 - C Sikap berani melakukan sesuatu perkara
 - D Sikap leka akan menyebabkan kita ketinggalan dalam arus kemodenan
9. Yang berikut adalah benar tentang bentuk syair tersebut, **kecuali**
 - A rima akhir ialah *aaaa*.
 - B mempunyai empat rangkap.
 - C setiap baris mengandungi empat hingga lima patah kata.
 - D setiap baris mengandungi sembilan hingga dua belas suku kata.
10. Yang berikut ialah kesan kepada negara jika rakyat tidak bersatu padu, **kecuali**
 - A negara akan kucar-kacir.
 - B keamanan negara akan tergugat oleh anasir luar.
 - C kemajuan dan pembangunan negara akan menjadi perlahan.
 - D rakyat akan mengamalkan sikap tolak ansur demi memupuk perpaduan negara.

PUISI MODEN

Kita Umpama Sehelai Daun

Soalan 11 – 15

Baca bahan di bawah ini dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

kita umpama sehelai daun
bertunas segar di hujung ranting
lalu melebar dan *merimbun*
tempat bercanda unggas meriang
di bawah redup bebayang mentari

andai kikir jasa dan bakti
di mana lagi tempat bernaung
dari tusukan bahang memijar
unggass kecil tidak berkudrat

kita umpama sehelai daun
bakal kering sampai waktunya
usahlah angkuh keupayaan diri
sehingga lupa makhluk *duafa*
ingin bernaung mencari hidup

jadilah sehelai daun
hijau menunas menyegar mata
kering gugur menjadi baja

(Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

11. Apakah gambaran penyajak terhadap manusia berdasarkan rangkap pertama?
 - A Dapat menyumbangkan jasa demi menerangi kehidupan insan lain
 - B Saling membantu antara satu sama lain, terutama golongan yang memerlukan
 - C Sentiasa berbuat baik kepada orang lain demi kehidupan yang sejahtera
 - D Manusia yang baik ialah manusia yang sentiasa melakukan kebaikan dalam hidupnya
12. Yang berikut ialah kesan kepada flora dan fauna akibat kerakusan manusia, **kecuali**
 - A flora dan fauna akan berpindah ke kawasan baharu.
 - B beberapa spesies tumbuhan dan haiwan akan pupus.
 - C kawasan cerun bukit akan menjadi gondol dan terdedah kepada hakisan.
 - D kehidupan flora dan fauna terancam kerana kehilangan habitat untuk membiak.

13. Apakah nada bagi keseluruhan sajak tersebut?

- A Sinis
- B Protes
- C Romantik
- D Melankolik

14. Apakah maksud perkataan *merimbun* yang terdapat dalam sajak?

- A Menjadi luas
- B Menjadi kurang

- C Menjadi banyak
- D Menjadi panjang

15. Ayat yang menepati ciri-ciri gaya bahasa hiperbola ialah

- A kita umpama sehelai daun.
- B dari tusukan bahang memijar.
- C tempat bercanda unggas meriang.
- D di bawah redup bebayang mentari.

Kuingin Berterima Kasih

Soalan 16 – 20

Baca bahan di bawah ini dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Sesekali kuingin berterima kasih
kepadamu hujan bagi tetamu
Jiwa pun menjadi dingin
api amarah pun terpadam.

Sesekali kuingin menyemai budi
kepadamu tanah yang hidup
kerana perutmu setia menghamilkan
rezeki buat petani.

Sesekali kuingin berbisik kepadamu
ikan-ikan yang riang
liar di belantara samudera
kerana sudi membebaskan derita
nelayan tua di pondoknya.

Sesekali kuingin kalungkan kagum
kepadamu pejuang negara
kerana tanganmu pernah berdarah
darah kesetiaan seorang warga
kepada watan tercintanya.

Sesekali kuingin pula menjadi bunga
menebarkan keharuman
di taman-taman keresahan hidup
menyerahkan keinsafan
kepada keangkuhan perang.

Alangkah indahnya dunia
andai semua merenung
kekosongan hidup ini.

(Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

16. Apakah tema sajak di atas?

- A Manusia yang mengingati jasa perwira negara
- B Kesedaran dalam mengekalkan keamanan dunia
- C Manusia yang berbakti kepada tanah
- D Manusia yang bersyukur dan menghargai nikmat yang dikurniakan oleh Tuhan

darah kesetiaan seorang warga

17. Unsur keindahan yang terdapat dalam baris sajak di atas ialah

- A simile.
- B asonansi.
- C metafora.
- D personifikasi.

18. Yang berikut adalah benar mengenai sajak, **kecuali**

- A berbentuk terikat.

- B mengandungi enam rangkap.
- C terdapat dua hingga lima patah kata sebaris.
- D setiap rangkap mengandungi tiga hingga lima baris.

19. Apakah nilai murni yang ingin diketengahkan oleh penyajak dalam rangkap kelima?

- A Kesetiaan
- B Keinsafan
- C Kesyukuran
- D Kasih sayang

20. Yang berikut ialah pengajaran yang terdapat dalam sajak, **kecuali**

- A kita mestilah sanggup berjuang demi negara.
- B kita hendaklah mengenang jasa pejuang-pejuang tanah air.
- C kita hendaklah mensyukuri nikmat yang diberikan oleh Tuhan.
- D kita mestilah bersatu padu demi mengekalkan kesejahteraan negara.

Aku

Soalan 21 – 25

Baca bahan di bawah ini dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Tidak ada manusia lain
di pantai ini
kecuali diriku.

Kusur pasir panjang
sambil kubayangkan
aku ini Adam.

Hari inilah aku tercipta
dan pertama kali melihat
laut, langit, dan pohon.

Kelmarin aku belum ada
tidak terdengar olehku
bunyi ombak itu.

Tidak terasa olehku
sentuhan angin ini
bertiup di mana-mana.

Bahkan aku tidak tahu
kulit kerang dan ru
pernah wujud di sini.

Tuhan
aku percaya Kau Pencipta
kerana aku baru ada.

(Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

21. Apakah maksud rangkap keenam sajak tersebut?

- A Penyajak tidak mengetahui apa-apa tentang kulit kerang dan pokok ru
- B Penyajak berasa hairan dan kagum melihat kulit kerang dan pokok ru
- C Penyajak tidak mengetahui bahawa kulit kerang dan pokok ru ada di pantai itu
- D Penyajak tidak pernah mengetahui kewujudan hidupan laut dan tumbuh-tumbuhan di situ

sambil kubayangkan

22. Apakah unsur gaya bahasa yang terdapat dalam baris sajak di atas?

- A simile. C personifikasi.
- B sinkope. D metafora.

23. Antara yang berikut, yang manakah persoalan yang benar tentang sajak tersebut?

- A Insaf akan kesilapan diri.
- B Kepercayaan kepada Tuhan.
- C Kehidupan di dunia hanya sementara.
- D Berani dalam melakukan sesuatu perkara.

24. Baris ayat *Kelmarin aku belum ada* menunjukkan penggunaan gaya bahasa

- A inversi. C metafora.
- B sinkope. D imej alam.

25. Yang berikut merupakan pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut, **kecuali**

- A kita hendaklah cinta akan alam sekitar agar terpelihara keasliannya.
- B kita haruslah mensyukuri nikmat yang diberikan oleh Tuhan kepada kita.
- C kita hendaklah menjaga tutur kata supaya tidak menggores hati orang lain.
- D kita hendaklah menginsafi diri supaya tidak melakukan perkara-perkara yang dimurkai oleh Tuhan.

Kunci Bahasa

Soalan 26 – 30

Baca bahan di bawah ini dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Bahasa berruarah
tidak berbilur bahasa di lidah.

Bahasa berbuah
tidak kering bahasa diperah.

Bahasa bersejarah
tidak luput bahasa bertingkah.

Bahasa berwasilah
tidak putus jambatan ukhuwah.

Bahasa berbudi sudah
tidak lokek pada ummah.

Bahasa begitu indah
tidak habis berbahasa bermadah.

(Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

26. Mengapakah bahasa dikatakan begitu indah?
- A Tidak luput ditelan zaman
 - B Mempunyai pelbagai ragam bahasa
 - C Mengeratkan hubungan dan perpaduan
 - D Melambangkan kekuatan sesuatu bangsa
27. Pengulangan kata *Bahasa* pada setiap rangkap menunjukkan penggunaan gaya bahasa
- A anafora.
 - B epifora.
 - C responsi.
 - D repetisi.
28. Apakah maksud rangkap keempat sajak tersebut?
- A Bahasa yang indah akan hilang jika sentiasa digunakan.
 - B Bahasa berwasilah memudahkan perhubungan dan komunikasi.
 - C Bahasa berwasilah sentiasa digunakan dalam kehidupan seharian.
 - D Bahasa berwasilah ialah bahasa yang digunakan untuk mengeratkan perhubungan.
29. Apakah nilai yang ingin diketengahkan oleh penyajak dalam rangkap pertama sajak?
- A Perpaduan
 - B Kesopanan
 - C Berhati-hati
 - D Kebijaksanaan
30. Antara yang berikut, yang manakah **bukan** pengajaran daripada sajak?
- A Kita haruslah berbuat baik kepada orang lain.
 - B Kita hendaklah bijak menggunakan bahasa.
 - C Kita hendaklah berhati-hati dalam berkomunikasi.
 - D Masyarakat haruslah menggunakan bahasa yang sopan.

PROSA TRADISIONAL

Asal Padi

Soalan 31 – 35

Baca bahan di bawah ini dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kemudian induk semangnya berkata, “Jikalau benar demikian katamu, maka jelaslah bagi kami dan percayalah kami bahawa kamu betul-betul tidak akan mencuri padi kami lagi.”

Setelah induk semangnya berkata demikian, maka anak yatim piatu pun berangkatlah meninggalkan kayangan. Orang kayangan itu tidak mengetahui sama sekali bahawa anak yatim piatu yang kecil itu ada menyembunyikan padi di dalam lubang-lubang luka pada tumitnya. Akhirnya sampai jugalah anak yatim piatu itu dengan selamat di kampungnya. Maka ia pun dengan segera membuat ladang. Setelah selesai, ditanamnya padi yang dicurinya itu di ladangnya.

Ketika padi anak yatim piatu itu tumbuh di bumi dan memberikan hasil yang menyenangkan, maka sebaliknya padi di atas kayangan tidak mahu menjadi lagi. Rupanya daya hidup di kayangan sudah hilang sama sekali, sejak anak yatim piatu itu berhasil mencuri dan menanamnya di bumi. Kiranya hal inilah yang sangat ditakuti oleh orang kayangan itu, sehingga ia sekali-kali tidak mahu mengizinkan anak yatim piatu itu membawa padinya ke bumi. Ia rupanya sudah tahu bahawa apabila anak yatim piatu itu berhasil membawa dan menanam padi itu di bumi, maka akan lenyaplah daya hidup padi itu di kayangan. Demikianlah untung tidak dapat diraih, malang tidak dapat ditolak.

(Dipetik daripada prosa tradisional ‘Asal Padi’ antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

31. Bagaimanakah anak yatim piatu menyembunyikan padi yang diambilnya?
- A Memasukkan padi-padi itu ke dalam mulutnya
 - B Memasukkan padi-padi itu ke dalam kocek seluarnya
 - C Menyorokkan padi-padi itu di dalam sebuah uncang
 - D Memasukkan padi-padi itu ke dalam luka pada tumitnya
32. Berdasarkan petikan tersebut, apakah sikap yang ditunjukkan oleh watak induk semang?
- A Tegas
 - B Pamarah
 - C Baik hati
 - D Berwaspada

33. Antara yang berikut, pernyataan yang manakah **benar** berdasarkan petikan prosa?
- A Induk semang membenarkan anak yatim piatu membawa padi ke bumi.
 - B Padi di kayangan semakin menjadi setelah anak yatim piatu pulang ke bumi.
 - C Anak yatim piatu membuat helah untuk membawa benih padi pulang ke bumi.
 - D Induk semang tidak mempercayai kata-kata anak yatim piatu bahawa dia tidak membawa benih padi pulang ke bumi.

34. Yang berikut ialah latar yang terdapat dalam petikan prosa tradisional tersebut, **kecuali**
- A di bumi.
 - B di ladang.
 - C di kayangan.
 - D di kolam ikan.
35. Apakah teknik plot yang digunakan dalam perenggan pertama petikan tersebut?
- A Dialog.
 - B Pemerian.
 - C Imbas kembali.
 - D Monolog dalaman.

CERPEN

Oren

Soalan 36 – 40

Baca bahan di bawah ini dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Oren masih tidak pulang. Sudah masuk hari yang keempat ayah tidak nampak kelibatnya. Aku memberitahu ayah bahawa pagi tadi aku ada melihat Oren di tepi longkang di belakang rumah. Begitu juga adikku, Anis ada melihat Oren sedang bermain-main di bawah pokok tua di taman permainan di hadapan rumah dua hari yang lalu. Namun, ayah masih tidak berpuas hati kerana dia sendiri tidak melihat kelibat Oren.

"Ke manakah Oren pergi? Dia tidak makan pun makanan yang ayah sediakan. Adakah dia merajuk? Hujan-hujan begini di manakah dia berteduh?" Kami hanya mendengar keluhan ayah. Sudah seminggu, hampir setiap malam pada hujung pertengahan Disember ini hujan turun diiringi dengan guruh dan angin.

Kelabu masih di pangkuan ayah. Apabila melihat Kelabu, aku terimbas kembali tentang kucing itu yang dipungut sewaktu ayah pulang dari tempat kerja. Keadaan Kelabu yang tidak terurus dan kurus dahulu kini telah berubah. Kelabu semakin tembam. Bulunya yang berwarna kelabu menjadikannya tampak menarik seperti kucing Siam. Ayah semakin memanjakan Kelabu. Bagiku barangkali sejak kehadiran Kelabu, Oren semakin terpinggir daripada belaian dan perhatian ayah.

(Dipetik daripada cerpen 'Oren' antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

36. Berdasarkan petikan, mengapakah ayah tidak berpuas hati?
- A Kerana Anis telah melihat Oren bermain-main di bawah pokok tua
 - B Kerana ayah tidak melihat kelibat Oren dengan matanya sendiri
 - C Kerana aku terserempak dengan Oren di tepi longkang
 - D Kerana Oren masih belum pulang ke rumah
37. Mengapakah ayah risau akan Oren?
- A Oren dilanggar oleh kereta
 - B Oren ditangkap oleh orang lain
 - C Oren terjatuh ke dalam longkang disebabkan hujan lebat
 - D Oren tiada tempat berteduh lebih-lebih lagi pada musim hujan
38. Yang berikut ialah faktor-faktor yang menyebabkan ayah lebih memanjakan Kelabu, **kecuali**

- A hidup terurus.
 - B semakin tembam.
 - C suka menjaga rumah.
 - D berbulu menarik seperti kucing Siam.
39. Yang berikut ialah nilai yang perlu ada dalam diri ayah, **kecuali**
- A prihatin.
 - B pilih kasih.
 - C penyayang.
 - D belas kasihan.
40. Apakah bandingan semacam yang perlu diamalkan oleh ayah semasa melayan Oren dan Kelabu?
- A adil laksana hakim.
 - B cerdik seperti kancil.
 - C garang seperti singa.
 - D malas seperti keldai.

Hadiah**Soalan 41 – 45**

Baca bahan di bawah ini dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

"Azizah, cikgu nak hadiah yang lebih besar, boleh?"

Wajah Cikgu Zaleha yang begitu tulus dan penuh kesungguhan itu ditenung Azizah lama-lama. Ingin meneka apa-apa yang tersirat di sebalik perkataan "besar" itu.

"Saya tak mampu, cikgu. Saya belajar buat hadiah ini pun kerana saya tak mampu membeli dengan wang, cikgu. Gaji bapa kecil sahaja. Emak tak ada gaji tetap." Lurus luahan rasa Azizah. Cikgu Zaleha memaut bahu kanan Azizah.

"Profesor Azizah, cikgu yakin kamu boleh beri hadiah yang besar maknanya kerana kamu memang layak, rajin dan kuat berusaha. Hanya orang yang bersikap seperti Profesor Azizahlah yang akan memberikan kepuasan kepada cikgu. Tolong, ya?" Dengan bersungguh-sungguh Cikgu Zaleha meletakkan Borang Pertandingan Kraf Tangan Peringkat Daerah di tangan kanan Azizah. Ceraian B khusus untuk Azizah, iaitu menghasilkan dua puluh karya anyaman dengan menggunakan bahan semula jadi. Cikgu Zaleha yakin sungguh kepada Azizah yang diiktiraf sebagai murid yang serba boleh, cuma sifat rendah diri dalam diri Azizah itu terlalu tebal.

"Cikgu berbangga kalau Azizah menang tapi kalau Azizah tarik diri ... bermakna Azizah kalah. Yang paling penting, kita sertai peraduan ini kerana peraduan ini menguji daya usaha dan kreativiti kita."

(Dipetik daripada cerpen 'Hadiah' antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

41. Apakah yang dimaksudkan oleh Cikgu Zaleha berkenaan hadiah yang lebih besar?

- A** Azizah perlu menghadihkan dua puluh karya anyaman.
- B** Azizah perlu memberikan hadiah yang dibeli dari luar negara.
- C** Azizah perlu menghadihkan barangan yang lebih besar dan mahal.
- D** Azizah perlu mengambil bahagian dan menang dalam Pertandingan Kraf Tangan Peringkat Daerah.

42. Yang berikut ialah perwatakan Azizah, **kecuali**

- A** kreatif.
- B** bersemangat.
- C** gemar berjimat cermat.
- D** mengambil upah menganyam tikar.

43. Apakah bandingan semacam yang sesuai dengan watak Cikgu Zaleha dalam petikan tersebut?

- A** baik seperti malaikat.
- B** bijak seperti pendeta.
- C** gagah seperti gergasi.
- D** garang seperti singa.

44. Apakah latar masyarakat yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut?

- A** Masyarakat murid yang bangga diri
- B** Masyarakat murid yang menghargai jasa guru
- C** Masyarakat murid yang suka mengingkari arahan guru
- D** Masyarakat murid yang terdiri daripada golongan kaya

Dengan bersungguh-sungguh Cikgu Zaleha meletakkan Borang Pertandingan Kraf Tangan Peringkat Daerah di tangan kanan Azizah.

45. Apakah persoalan yang mahu ditonjolkan oleh pengarang dalam situasi berikut?

- A** Kegigihan murid dalam membalas jasa guru
- B** Keprihatinan seorang guru terhadap kehidupan muridnya
- C** Usaha dalam menghasilkan sesuatu yang unik dan menarik
- D** Peranan guru dalam mengembangkan bakat dan potensi murid

Kuih Bakul Limau Mandarin

Soalan 46 – 50

Baca bahan di bawah ini dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

“Lim Meng pernah mengadu kepada aku, orang kampung semuanya kompelin. Kaunaikkan harga barang sesuka hati. Kausorokkan barang-barang sesuka hati. Apabila orang kampung datang nak beli, kau cakap gula dah habis. Padahal kausorokkan barang-barang itu di dalam stor dekat belakang kedai tapi pada suatu masa pula, kaukeluarkan dan menjualnya dengan harga yang tinggi. Kaukaut untung daripada orang kampung, sampaikan orang kampung terpaksa berhutang dengan kau. Hutang itu pula kaukenakan bunga. Kau memang tak *berhati perut* kerana itulah perniagaan kaulingkup. Apabila orang kampung dah tak percaya akan kau dan perniagaan kau mula tak laku, kausalahkan kelahiran Lim Meng kerana Lim Meng lahirlah perniagaan kau rosak. Tak ada onglah. Macam-macam lagi kautuduh. Lim Meng tak bersalah. Yang salahnya diri kau sendiri.”

Lim Pooi seolah-olah menelan sebutir-sebutir kata yang dimuntahkan dari mulut Sim Pau. Dia langsung tidak baran lagi. Ada riak sedar pada wajahnya. Lim Pooi tampak tidak keruan. Dia mula bangun dari kerusi malas dan menuju ke arah jendela nako yang terbuka luas. Malam itu tenang. Cahaya bulan samar di langit.

“Lim Foong meninggal dunia juga bukan sebab Lim Meng. Lim Foong meninggal dunia kerana dia lemas. Dia lemas bukan kerana nak menyelamatkan Lim Meng tapi cuba nak bersembunyi daripada orang yang mengejanya, yang memintanya membayar hutang kalah judi.” Lim Pooi tersentak, seakan-akan tidak percaya dengan omongan Sim Pau. Tak mungkin Lim Foong berjudi. Tak mungkin. Batinnya menjerit.

(Dipetik daripada cerpen ‘Kuih Bakul Limau Mandarin’, antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

46. Apakah maksud simpulan bahasa *berhati perut*?

- A Bersikap jujur
- B Bersikap baik hati
- C Bertimbang rasa
- D Berburuk sangka

47. Antara yang berikut, yang manakah pengajaran yang terdapat dalam petikan?

- A Kita hendaklah menghargai jasa ibu bapa.
- B Kita hendaklah memaafkan kesalahan orang lain.
- C Kita mestilah bersikap amanah dan jujur dalam perniagaan.
- D Kita hendaklah membantu insan yang memerlukan pertolongan.

48. Yang berikut merupakan sebab-sebab Lim Pooi membenci Lim Meng, **kecuali**

- A Lim Meng anak yang gemar berjudi.
- B perniagaannya lingkup kerana Lim Meng.
- C Lim Meng anak yang tidak membawa untung.

D anaknya, Lim Foong meninggal dunia disebabkan oleh Lim Meng.

49. Apakah teknik plot yang digunakan oleh pengarang dalam perenggan kedua petikan tersebut?

- A Teknik dialog
- B Teknik monolog
- C Teknik pemerian
- D Teknik imbas kembali

50. Antara yang berikut, yang manakah **bukan** pengajaran yang terdapat dalam petikan cerpen?

- A Kita hendaklah jujur dalam melakukan setiap pekerjaan.
- B Kita janganlah menindas orang yang tidak berkemampuan.
- C Kita hendaklah insaf akan kesalahan yang telah kita lakukan.
- D Kita hendaklah menghormati orang yang lebih tua daripada kita.

DRAMA**Hadiah****Soalan 51 – 55**

Baca bahan di bawah ini dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

- HAYATI: (Dari bawah) Mak, oh, mak! Mak, Yati dah balik. (HAYATI naik ke rumah.)
- PAK MAIL: Aku dengan emak kamu baru saja bercakap pasal kamu.
- HAYATI: (Bersalaman dengan ibu dan datuknya) Apa khabar, mak? Apa khabar, tuk? Ada mak terima surat Yati?
- FAUZIAH: Ada, Yati. Sudahkah kamu memberitahu guru asrama bahawa kamu hendak balik hari ini?
- HAYATI: Sudah, mak. Yati sudah memberitahunya dan Yati telah menceritakan segala-galanya.
- PAK MAIL: Eloklah begitu, Yati. Kamu mesti memberitahu guru asrama, kalau tidak, susah pula orang di sana. Tentang hal persekolahan, janganlah kamu bimbang. Datuk akan ikhtiarkan.
- HAYATI: Adakah peluang Yati untuk meneruskan pelajaran di sekolah itu, tuk?
- PAK MAIL: Tuk akan ikhtiarkan, Yati. Pada pagi tadi tuk sudah berjumpa dengan Datuk Penghulu. Tuk terangkan masalah kita.
- HAYATI: Di sekolah pun Yati sudah memberitahu Guru Besar, tuk. Beliau telah berjanji untuk menolong Yati.
- PAK MAIL: Baguslah, Yati. Moga-moga Tuhan akan menolong kita.
- FAUZIAH: Pergilah masuk, Yati. Tukar pakaian itu. Kalau engkau lapar, nasi ada di dapur.
- HAYATI: Mak dan datuk sudah makan?
- FAUZIAH: Datuk kamu sudah makan tadi. Kalau kamu nak makan, makanlah dulu. Mak akan makan kemudian.
- ARAHAN: (HAYATI masuk membawa begnya ke dalam.)
- PAK MAIL: Beginilah hidup kita di dunia, Fauziah. Segala-galanya dalam kuasa Tuhan. Ada isteri yang kehilangan suami. Ada anak yang kehilangan bapa. Kita menganggap bahawa kitalah orang yang paling malang di dunia tetapi yang sebenarnya ada orang yang lebih malang daripada kita.

(Dipetik daripada drama 'Hadiah', antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

51. Berdasarkan petikan, apakah masalah yang dihadapi oleh keluarga Pak Mail?
- Pak Mail kematian ahli keluarga.
 - Hayati menghadapi masalah untuk tinggal di asrama.
 - Hayati mempunyai masalah untuk meneruskan persekolahan.
 - Keluarga Pak Mail tidak mendapat bantuan daripada pihak berwajib.
52. Yang berikut merupakan perwatakan Pak Mail yang terdapat dalam petikan drama, **kecuali**
- merendah diri.
 - rajin berusaha.
 - menyayangi ahli keluarga.
 - menerima takdir dengan reda.
53. Apakah persoalan yang terdapat dalam petikan drama tersebut?
- Peranan ketua kampung
 - Kepentingan menuntut ilmu
 - Kesan kematian ahli keluarga
 - Menghargai pengorbanan keluarga
54. Apakah sebab Hayati pulang ke rumah dari asrama sekolahnya?
- Hayati berasa tidak selesa tinggal di asrama sekolahnya.
 - Hayati ingin membantu ibunya melakukan kerja-kerja di rumah.
 - Keluarga Hayati menghadapi masalah kewangan setelah kematian bapanya.
 - Hayati ingin meminta bantuan Tuk Penghulu untuk membiayai yuran persekolahannya.
55. Apakah kesudahan drama *Hadiah*?
- Hayati tidak dapat menyambung persekolahannya.
 - Puan Fauziah terpaksa bekerja untuk menyara kehidupan keluarganya.
 - Pak Mail terus mencuba untuk meminta bantuan daripada pelbagai agensi kerajaan.
 - Hayati dapat menyambung persekolahan setelah mendapat bantuan daripada Kementerian Pertahanan.

BAHAGIAN B Pemahaman Petikan

1. Baca petikan-petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Petikan 1

Keindahan yang Hilang

I
Sayup-sayup undan tua berlagu hiba
terbang beriring di rembang petang
renik-renik mengirai bulu carik
melayang satu-satu berbaur debu
lesu berapungan di air lalu.

Daun-daun menghijau alangkah segar
kemilau danau disinari mentari
kali tenang betapa lembut mengalir ke muara
kedamaian melingkar rimba
lalu tumpah kasih nan jernih
erat bertaut cinta kasih.

Malam hiba dadanya ungu luka
pungguk tersedu pilu di atas batu
bulan tiada lagi mendandan wajah
bintang malam pudar sinarnya.

II
Orang bicara bulan bintang di makmal
pada buku, data dan komputer
lalu bulan dan cakerawala bisa diteroka
bisa kembara di planet dan angkasa.

Undan patah sayap gugur bulunya bertaburan
Suara siapa parau mendera di malam lara
Kali tenang tiba-tiba airnya bengis melanda
Kepada siapa anak-anak kota desa berhutang nyawa?

III
Bulan kini bukan menara kasih jernih
bintang-bintang bukan lagi saksi sumpahkekasih.

Shamsuddin Jaafar
Himpunan Puisi Klasik dan Moden
Sepanjang Zaman.

Petikan 2

Petang itu, dia pulang dari pejabat agak lewat daripada biasa. Sedang dia memandu keretanya di jalan taman perumahannya, tiba-tiba dia berasa bahawa dia terlanggar sesuatu. Kemudian dia memberhentikan keretanya untuk meninjau benda yang dilanggarnya itu. Dia hanya mampu mengucap apabila seekor kucing terlantar mati di bawah tayar keretanya. Namun, hatinya lebih tersentuh apabila datang seekor anak kucing yang datang mengiau-ngiau di hadapan kucing yang tidak bernyawa itu. "Mungkin ibunya," detik hatinya.

Petang itu, dia pulang bersama-sama dengan seekor anak kucing jantan dan yang paling gembira menyambut kepulangan dia ialah Anis. Cepat-cepat anak bongsunya itu mendukung anak kucing tersebut sambil bertanya, "Apakah namanya?" Dengan spontan dia menjawab, "Oren." Nama kucing itu diberikan kerana seluruh bulu kucing itu berwarna oren.

(Dipetik daripada cerpen 'Oren', antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

- (i) Berdasarkan Petikan 1 dan Petikan 2, apakah perkara-perkara yang perlu kita lakukan untuk membuktikan bahawa kita menyayangi haiwan?

- (ii) Nyatakan **dua** nilai yang terdapat dalam Petikan 2.

(iii) Kes penganiyaan haiwan sering dipaparkan dalam media massa.

Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk mengatasi penganiyaan haiwan?

[4 markah]

2. Baca petikan-petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Petikan 1

Aziz mengemas buku dan alat tulisnya yang berselerak di atas meja selepas diganggu oleh beberapa orang rakan. Dia berasa bengang tetapi dia hanya mendiamkan diri. Dia sering dibuli oleh rakan-rakan kerana dia seorang murid yang sangat pendiam.

"Hoi, Aziz! Nah, siapkan kerja rumah aku! Esok, serahkan kepadaku. Kalau kau tak siapkan, aku tumbuk kau," kata Razi, murid yang sangat nakal di kelasnya.

Aziz hanya mengangguk tanda setuju walaupun dia seperti mahu menumbuk Razi yang selalu membulinya.

Aziz sering disuruh untuk menyiapkan kerja rumah oleh beberapa orang rakan kelasnya. Jika dia tidak bersetuju, dia akan diganggu dengan bahasa yang agak kesat dan kadangkala dipukul oleh mereka.

Petikan 2

"Engkau pergi sahaja boleh?" bentak Qaira. Dia yang terkenal dengan sikap panas barannya itu menyuruh seorang gadis untuk membelikan dia dan rakan-rakannya air minuman di sebuah kedai di seberang jalan.

"Tetapi saya sudah lewat untuk ke kelas tambahan, Kak Qaira," gadis itu menjawab perlahan.

"Aku tidak mahu tahu akan semua hal itu. Apa yang penting, engkau mesti belikan kami air, barulah engkau dibenarkan untuk masuk ke kelas."

Digertak begitu, gadis itu mengalah. Perlahan-lahan dia berjalan menuju ke seberang jalan. Secara tiba-tiba...

Bang!

Mereka dikejutkan dengan bunyi yang kuat. Qaira, Tania, dan Lia bungkam dan terkedu sebaik-baik sahaja melihat perkara yang berlaku di hadapan mereka. Gadis yang menjadi orang suruhan mereka dilanggar oleh sebuah kereta dengan sadis sekali. Mereka bertiga berlari dari situ untuk mengelakkan diri. Dasar manusia tidak berhati perut. Bukannya semua orang tidak tahu bahawa mereka merupakan kaki buli di sekolah. Tetapi kegiatan mereka tiada bukti menyebabkan mereka belum pernah tertangkap.

(Dipetik daripada cerpen 'Dua yang Bermakna',
Dewan Siswa, Bil. 9, 2018)

- (i) Berdasarkan Petikan 1 dan Petikan 2, nyatakan persamaan perwatakan Aziz dengan "Aku".

- (ii) Berdasarkan Petikan 1, nyatakan tindakan mangsa buli apabila dibuli.

(iii) Tindakan Zaki dan Qaira membuli murid lain jelas menunjukkan bahawa mereka tidak mempunyai pegangan agama yang kuat.

Pada pendpat anda, selain punca kurangnya didikan agama, apakah punca-punca lain yang menyebabkan seseorang murid terlibat dalam gejala buli?

BAHAGIAN **» B** *Novel*

1. Jawapan anda hendaklah berdasarkan satu daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 1.

- (i) Pelari Muda, karya Ghazali Ngah Azia
- (ii) Destinasi Impian, karya Mohd Ismail Sarbini
- (iii) Formula Termodinamik, karya Obasiah Haji Usman
- (iv) Sejambak Bakti, karya Rejab F.I

Watak utama ialah watak yang memainkan peranan utama dalam sesebuah novel.

Berdasarkan sebuah novel di atas, jelaskan **tiga perwatakan** watak utama.

Novel	Watak Utama
Pelari Muda	Kamarul
Destinasi Impian	Firdaus
Formula Termodinamik	Amir
Sejambak Bakti	Razali

This image shows a single sheet of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are approximately 20 lines visible. The paper has a slight shadow on the right side, suggesting it's resting on a surface.



2. Jawapan anda hendaklah berdasarkan satu daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 1.

- (i) Pelari Muda, karya Ghazali Ngah Azia
- (ii) Destinasi Impian, karya Mohd Ismail Sarbini
- (iii) Formula Termodinamik, karya Obasiah Haji Usman
- (iv) Sejambak Bakti, karya Rejab F.I

Latar masyarakat merupakan gambaran keadaan masyarakat dalam cerita yang merangkumi bangsa atau etnik, status dan kehidupan sosial, ekonomi, dan sebagainya yang bersesuaian dengan watak.

Berdasarkan sebuah novel di atas, kemukakan **tiga latar masyarakat** berserta contoh peristiwa yang sesuai.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are approximately 20 lines visible. The paper has a slight shadow on the right side, suggesting it's resting on a surface. There is no handwriting or other markings on the paper.

PEMINDAHAN MAKLUMAT

BAHAGIAN **>> C** *Ringkasan*

1. *Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **punca-punca berlakunya amalan rasuah dalam kehidupan**. Panjangnya ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 100 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Amalan rasuah dapat menjatuhkan kredibiliti sesebuah negara, institusi, atau individu. Meskipun demikian, jenayah rasuah masih terus berlaku. Hal ini dikatakan demikian kerana wujudnya pemberi dan penerima yang masing-masing terikat oleh kepentingan tertentu selain sifat tamak untuk memiliki sesuatu yang bukan haknya.

Amalan rasuah boleh melibatkan sesiapa sahaja pada peringkat apa-apa juga. Ada sebilangan pegawai yang berasa bahawa mereka patut mendapat habuan daripada projek yang dikendalikan sekalipun tindakan keji mereka itu menyebabkan objektif pembangunan tidak menepati tujuan asal sesuatu perancangan. Pengamal-pengamal rasuah biasanya sentiasa berhati-hati supaya gerak langkah mereka tidak dihidu oleh pihak berkuasa. Walaupun adakalanya mereka mencuba untuk mengelakkan rasuah, tetapi disebabkan sudah terbiasa menerimanya, maka mereka tidak dapat menahan diri apabila berhadapan dengan situasi yang membolehkan mereka memperoleh keuntungan segera. Untuk memastikan mereka mendapat habuan, kakitangan yang korup akan melambat-lambatkan urusan kerja dengan harapan mereka akan diberikan sogokan supaya sesuatu urusan dapat dibereskan dengan segera. Oleh sebab itu, kita harus akur bahawa rasuah dapat menggugat kestabilan politik dan ekonomi sesebuah negara.

- Pembentukan sekolah wawasan juga merupakan usaha memupuk perpaduan dalam kalangan murid. Sekolah wawasan ialah gabungan sekolah rendah kebangsaan dan jenis kebangsaan yang berkongsi kemudahan asas seperti kantin, padang permainan, dan sebagainya. Hal ini memberikan peluang kepada murid-murid untuk bergaul dan bertoleransi tanpa perasaan syak wasangka. Selain itu, perpaduan dapat diterapkan melalui kegiatan kokurikulum di sekolah. Aktiviti kokurikulum merupakan bidang pembelajaran yang menekankan pemupukan dan perkembangan diri individu dalam program sukan, kelab, persatuan, dan badan beruniform.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

3. Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **keistimewaan penggunaan kad kredit kepada pengguna**. Panjangnya ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 100 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Sejak akhir-akhir ini, penggunaan kad kredit bukan lagi menjadi lambang kemewahan, tetapi sudah menjadi keperluan dalam kehidupan seseorang. Sebagai bukti, berbagai-bagai jenis kad kredit sudah berada di pasaran, misalnya Master Card, American Express, Visa, dan lain-lain. Pemintaan kad kredit semakin bertambah dari semasa ke semasa memandangkan kad kredit mudah digunakan. Tanpa kad kredit, orang ramai khususnya pengguna terpaksa membawa wang yang banyak sekiranya mereka perlu berbelanja besar. Apabila pemegang kad kredit ingin membuat bayaran, mereka hanya perlu menurunkan tandatangan pada slip bayaran pembelian. Selain itu, pengguna juga tidak perlu menukarkan mata wang asing jika ingin melancong ke luar negara. Dengan adanya kad kredit, seseorang boleh membuat bayaran dalam apa-apa sahaja mata wang di seluruh dunia. Penggunaannya juga membuktikan bahawa negara maju dalam bidang perniagaan atau bidang perdagangan.

Sekiranya pengguna menggunakan wang tunai, risiko kehilangannya lebih tinggi dan lebih menyulitkan lagi ialah kesukaran untuk mencarinya semula. Sebaliknya, melalui penggunaan kad kredit, masalah ini dapat diatasi. Pemegang kad kredit hanya perlu menghubungi syarikat kad kredit berkenaan dan memberitahu mereka tentang kehilangan kad tersebut. Seterusnya, syarikat pengeluar kad tersebut akan menghentikan fungsi kad kredit itu. Dari aspek yang lain pula, pemegang kad kredit dapat menikmati tawaran harga dari semasa ke semasa di samping mendapat pelbagai kemudahan termasuklah perlindungan insurans dan diberikan pampasan jika sesuatu barang hilang, rosak, atau dicuri. Namun begitu, orang ramai dinasihatkan supaya berjimat cermat ketika berbelanja agar tidak berlaku pembaziran.

[illegible]

80 patah perkataan.

Amalan Bersukan


- 1 menyihatkan badan – mengeluarkan peluh – terhindar daripada penyakit
- 2 menambahkan kenalan – berekreasi bersama-sama di taman – berkomunikasi
- 3 mengisi masa lapang – terhindar daripada gejala negatif

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

BAHAGIAN B Karangan Respons Terbuka

Lihat gambar dan maklumat di bawah ini dengan teliti. Kemudian pilih satu daripada tiga soalan yang dikemukakan dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **tidak kurang daripada 180 patah perkataan**.

Penjagaan Kesihatan dan Kebersihan Diri Amalan Kita



- Bersenam
- Pemakanan sihat



- Penyediaan makanan
- Mencuci tangan



- Jauhi dadah
- Perkembangan janin



1. Keracunan makanan bukan hanya berlaku di sekolah, tetapi di mana-mana sahaja disebabkan berlakunya pencemaran makanan.
Nyatakan punca-punca berlakunya keracunan makanan di negara kita.

2. Dadah merupakan musuh utama negara kerana dadah dapat menghancurkan diri, keluarga, dan negara.
Bincangkan kesan-kesan buruk penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat.

3. Anda ingin menyertai pertandingan syarahan bersempena dengan Minggu Kesihatan di sekolah. Tajuk syarahan anda ialah "Diet Seimbang Menjamin Kesihatan Manusia".
Tulis teks syarahan anda itu selengkapnya.

[illegible]